

'Terima kasih kepada JPS'



SEBELUM



SELEPAS

Sistem saliran di Kampung Johan Setia sebelum dan selepas diselenggara JPS.

JOHAN SETIA - Penduduk Kampung Johan Setia meluahkan rasa gembira apabila pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) telah membersihkan sistem saliran di kampung itu yang disyaki antara penyebab kepada banjir.

Penduduk, Aziz berkata, pihak JPS telah membersihkan sistem saliran itu minggu lepas selepas berlaku banjir kilat di sini.

"Pembersihan itu dibuat ekoran banjir yang kerap berlaku di kampung ini hingga penduduk berasa kurang selesa.

"Sistem saliran itu dipercayai sudah lama tidak diselenggara dan ia dipenuhi rumput liar yang tumbuh menghalang pergerakan air," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, bila hujan lebat dalam jangka



AZIZ

masa lama, air dari sistem saliran itu akan melimpah dan masuk ke kawasan dan kediaman penduduk.

"Selepas sistem saliran itu dibersihkan, kami amat gembira kerana tiada lagi limpahan air. Malah pergerakan air juga laju," katanya.

Penduduk, Ahmad Mutallib berkata, sebelum ini penduduk sudah banyak kali membuat aduan agar pihak berkuasa membersihkan sistem saliran

sepanjang hadapan kediaman penduduk.

"Kini kami bersyukur akhirnya ia dibersihkan pihak JPS. Saya harap banjir di kawasan ini dapat ditangani selepas ini," katanya.

Katanya, terima kasih kepada JPS kerana melaksanakan tugas itu demi kebaikan penduduk di sini.